

12 JAN 1996

Ramli - Proton

PM AKAN PECAH TANAH TAPAK KILANG KEDUA PROTON, MAC INI

TANJONG MALIM, 12 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan upacara pecah tanah tapak kilang kedua Perusahaan Otomobil Malaysia (Proton) di kawasan Lembah Bernam dekat sini pada 16 Mac depan, kata Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib.

Proses meluluskan tanah seluas 1,215 hektar untuk Proton dan Perusahaan Industri Berat Malaysia (Hicom) kini telah selesai dan syarikat itu dalam proses membina pejabat projeknya di sini, katanya.

Kerajaan negeri juga akan menambah 400ha lagi kawasan untuk projek itu dan sedang mengenal pasti kawasan tersebut, katanya kepada pemberita selepas menghadiri taklimat tertutup oleh Presiden Hicom Datuk Seri Yahaya Ahmad sebelum melawat tapak projek dengan menaiki helikopter.

Turut hadir pada majlis itu ialah pengarah urusan Proton Datuk Mohd Nazdmi Mohd Salleh dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Industri dan Usahawan Perak Datuk Junus Wahid.

Ramli berkata untuk memperlicinkan pelaksanaan projek itu sebuah jawatankuasa pemandu ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Habib Mansor dan dianggotai oleh semua badan kerajaan yang terlibat dalam projek itu termasuk Proton dan Hicom.

Kerajaan negeri juga akan membina satu jalan baru antara kilang Proton dan Kg Samak Estet yang terletak berhampiran sempadan Perak - Selangor bagi menambah laluan yang sedia ada, katanya.

Beliau berkata selain itu, kerajaan negeri juga akan mempertingkatkan jalan sejauh 3.2 km antara kilang Proton hingga ke lampu trafik Tanjung Malim dan jalan stesyen keretapi Behrang ke tapak projek bagi memudahkan proses pengangkutan dan laluan.

Kerajaan negeri juga bercadang menjadikan kawasan projek kilang kedua Proton ini sebagai pusat pertumbuhan autombil terbesar di rantau ini yang berbentuk "bandar bersepadu" - lengkap dengan kawasan perumahan, komersil, rekreasi dan sistem telekomunikasi yang canggih dengan menggunakan gas daripada saluran gas Petronas Gas Utilities (PGU), katanya.

Proton, yang diperuntukan seluas 800 ha, akan membina kilang bernilai RM2,000 juta bagi meningkat pengeluaran keretanya daripada 150,000 kereta setahun kepada 500,000 setahun.

Kilang kedua ini yang dijangka beroperasi sepenuhnya menjelang tahun 2002 dianggarkan menghasilkan tambahan 350,000 kereta setahun bagi menampung permintaan yang semakin meningkat yang tidak mampu ditampung oleh kilang Proton di Shah Alam yang berharga RM560 juta.

Sementara Hicom pula diperuntukan 400 hektar tanah berhampiran tapak kilang kereta nasional itu dan 400 hektar lagi di Seri Iskandar dengan kedua-dua syarikat itu hanya membayar bayaran nominal sebanyak RM10 premium bagi setiap hektar dan tanah itu hak milik kekal. -- BERNAMA.